



جَابِتُ مَفْتِي نِكْرِي قَمَح

قوله تعالى:

فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Soalan :

Adakah boleh isteri disabitkan kesalahan sebab bagi lelaki lain masuk rumah dan bilik dengan izin suami, tetapi suami tiada?

Jawapan:

وعليكم السلام ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas Nabi besar junjungan kita Muhammad SAW, keluarga, sahabatnya dan mereka-mereka yang mengikuti segala sunnah Nabi Muhammad SAW sehingga ke hari kiamat. Terima kasih kepada puan di atas soalan yang telah diajukan kepada kami.

Hukum asal bagi wanita yang berkahwin untuk **melakukan sesuatu atau ingin pergi ke sesuatu tempat hendaklah dengan izin suami**. Setelah suami mengizinkan barulah wanita berkenaan dibenarkan untuk melakukan perbuatan tersebut. Berbalik kepada soalan, walaupun dengan keizinan suami puan, hukumnya tidak membolehkan seseorang wanita berdua-duaan dengan bukan mahram. Terdapat **larangan** ke atas umat Islam terhadap **perbuatan berdua-duaan di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram**. Ini adalah berdasarkan kepada sebuah riwayat daripada Saidina Abdullah Ibn Abbas R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

لَا يَخْلُونَ رَجُلًا بِامْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ

Maksudnya: *Tidak boleh untuk seorang lelaki itu berdua-duaan dengan seorang perempuan melainkan bersama-sama dengan perempuan itu mahramnya.* (Riwayat Muslim (1341))

Daripada nas di atas, jelas menunjukkan perbuatan berkhawat di antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram adalah suatu yang dilarang. Ini kerana, perkataan لَا di dalam hadis tersebut merupakan لَا *al-Naahiyah* (larangan) yang membawa hukum haram. **Tujuan syarak melarang berdua-duaan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram adalah untuk mengelakkan berlakunya fitnah dan perkara-perkara yang boleh membawa kepada zina atau *muqaddimah* zina (permulaan).** Begitu juga dengan firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32 yang menyatakan mengenai perbuatan zina:

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّانِيَ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: *"Dan janganlah kamu mendekati zina, sesungguhnya zina adalah suatu perbuatan yang keji dan satu jalan yang membawa kepada keburukan.*

Ini kerana, perbuatan berdua-duaan itu sendiri merupakan suatu ruang yang besar untuk dimasuki oleh syaitan dalam usaha merosakkan anak Adam serta menimbulkan fitnah yang besar pada diri mereka. Hal ini bertepatan dengan sebuah riwayat daripada Saidina Abdullah Ibn Umar R.A bahawa Rasulullah S.A.W bersabda:

أَلَا لَا يَخْلُونَ رَجُلًا بِامْرَأَةٍ إِلَّا كَانَ ثَالِثَهُمَا الشَّيْطَانُ

Maksudnya: *Ketahuilah bahawa tidaklah berdua-duaan seorang lelaki dan seorang perempuan itu melainkan yang ketiganya adalah syaitan.*
(Riwayat Al-Tirmizi (2165))

Jika dilihat dari sudut undang-undang, kesalahan tersebut boleh disabitkan berdasarkan kepada seksyen 32 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 Negeri Pahang:

Seksyen 32. Khalwat

Mana-mana-

(a) lelaki yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang perempuan yang bukan isteri atau *mahramnya*; atau

(b) perempuan yang didapati berada bersama dengan seorang atau lebih daripada seorang lelaki yang bukan suami atau *mahramnya*, di mana-mana tempat yang terselindung, sunyi atau terasing atau di dalam rumah atau bilik dalam keadaan yang boleh menimbulkan syak bahawa mereka sedang melakukan perbuatan yang bertentangan dengan Hukum Syarak melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Jika dilihat peruntukan undang-undang tersebut, elemen-elemen yang boleh disabitkan kesalahan berdasarkan seksyen ini ialah:

- 1) berdua-duaan lelaki dan perempuan yang bukan mahram.
- 2) di tempat yang sunyi atau terasing seperti dalam rumah atau bilik.
- 3) keadaan yang boleh menimbulkan syak.

Oleh itu, bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku, seeloknya puan perlu ditemani oleh lelaki atau perempuan yang mahram seperti abang, bapa, adik beradik puan.

Sekian, terima kasih.

Wassalam.

Rujukan

1. Al-Quran Dan Terjemahan.
2. Sahih Muslim.
3. Kitab Musaab Umar Ibn Khattab, Abu Bakar Najjad.
4. Seksyen 23 (Khalwat), Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 2013 Negeri Pahang